

09/12/1999

## Mahathir perhalusi senarai penuh Kabinet

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih dalam proses menyiapkan senarai penuh Kabinet barunya sebelum membuat sebarang pengumuman rasmi dan menghadap Yang di-Pertuan Agong.

Sumber-sumber memberitahu, Perdana Menteri menghabiskan masa sepanjang hari di pejabatnya di Putrajaya memperhalusi senarai itu bagi memantapkan lagi barisan Kabinet alaf baru.

Menurut sumber itu, walaupun Kabinet belum dibentuk selepas sembilan hari pilihan raya umum, Dr Mahathir tidak mahu tergesa-gesa.

"Mungkin Perdana Menteri memerlukan sedikit masa membuat pemilihan supaya mereka yang dilantik ke pelbagai portfolio menepati keperluan negara dan pada masa yang sama berupaya menangani pelbagai isu semasa," katanya.

Sementara itu, sumber Istana Negara memberitahu, pihaknya sudah membuat persiapan sewajarnya mulai hari ini bagi membolehkan Dr Mahathir menghadap Yang di-Pertuan Agung dan untuk majlis mengangkat sumpah.

Pekarangan pintu masuk di Istana Negara dan Istana Selangor di sini, dikerumuni wakil media massa termasuk krew televisyen sepanjang hari ini bagi kemungkinan Dr Mahathir menghadap Yang di-Pertuan Agung.

Bagaimanapun, mereka hampa kerana tiada sebarang tanda-tanda Perdana Menteri berbuat demikian sehingga jam 5 petang ini.

Laporan sebelum ini menyebut, Dr Mahathir akan menghadap Yang di-Pertuan Agung hari ini dan upacara mengangkat sumpah dijangka diadakan selewat-lewatnya Sabtu ini.

(END)